



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2019/02/12 (HQ)

METER PINTAR BOLEH KESAN GANGGUAN BEKALAN LEBIH PANTAS

Meter pintar yang sedang dipasang di Melaka mampu meningkatkan nilai tambah perkhidmatan ditawarkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada pengguna menerusi keupayaan mengesan sebarang gangguan bekalan elektrik secara elektronik.

Tempoh gangguan bekalan dapat dipendekkan kerana TNB boleh membuat kerja-kerja pemulihan elektrik secara proaktif dan lebih pantas berikutan lokasi terdapatnya gangguan dapat dikenalpasti sebelum laporan atau aduan dibuat pengguna.

Antara ciri meter pintar ini yang akan diaktifkan TNB secara berperingkat termasuklah pemakluman kepada pengguna secara automatik sekiranya terdapat gangguan bekalan serta pemakluman bekalan telah dapat dipulihkan.

Kelebihan lain meter pintar termasuk membolehkan pengguna mendapatkan maklumat bil dan penggunaan secara online, sekaligus membantu mereka menguruskan bajet tenaga isi rumah dengan lebih bijak.

TNB memperkenalkan meter pintar demi masa depan yang lebih hijau dan bijak tenaga kerana ia berpotensi besar mempertingkatkan kepuasan pelanggan menerusi amalan penggunaan elektrik yang lebih cekap tenaga.

Selepas Melaka, pemasangan meter pintar akan dikembangkan ke Lembah Klang sebelum diperluaskan ke seluruh semenanjung.

Pengguna di Melaka yang masih belum dipasang meter pintar TNB akan menerima notis makluman pemasangan melalui pos atau serahan tangan selewat-lewatnya dalam tempoh 30 hari sebelum meter pintar dipasang.

Penerima notis digalakkan membuat temu janji awal bagi memudahkan petugas TNB memasuki premis dan menyempurnakan tugas pemasangan meter pintar.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 3 Februari 2019, jam 12:00 tengah hari

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /
Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke media@tnb.com.my*